

# PM gesa Persekutuan, negeri dan PBT ubah cara kerja lama

**Kuantan:** Kerajaan Persekutuan, negeri dan pihak berkuasa tempatan (PBT) perlu mengubah cara kerja lama bagi mengelakkan kelewatan dalam urusan kelulusan projek baharu bagi memacu pembangunan di semua kawasan, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau turut mengingatkan semua Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) supaya memantau senarai projek yang diluluskan dan mengemas kini status projek secara berkala.

“Patut sentiasa pantau senarai projek yang diluluskan, berapa yang dilaksanakan dan apakah sebab kelewatan, apakah sebab pengambilan tanah atau kelulusan lain,” katanya semasa merasmikan Program MADANI Rakyat 2024 Zon Timur di Dataran Sayangi Kuantan, di sini semalam.

Anwar turut memberi contoh penubuhan Fakulti Kecerdasan Buatan di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) yang diluluskan hanya dalam tempoh empat bulan, menunjukkan ada kesediaan dalam kalangan rakyat, penjawat awam dan ahli akademik untuk melakukan sesuatu dengan lebih baik.

“Majlis perbandaran, kerajaan negeri, kerajaan Persekutuan mesti efisien, cepat maka cepatlah naik (cepat pelaksanaan projek untuk rakyat), tetapi kalau Persekutuan, negeri, perbandaran lembab, maka lembablah kemajuan. Itu pilihan kita,” katanya.

Perdana Menteri berkata perediaan kerajaan Persekutuan, negeri dan PBT juga penting sebelum Malaysia mengambil alih kepengerusian ASEAN hujung tahun ini bagi membuktikan keupayaan negara menarik pelaburan serta pelancongan supaya setiap negeri semakin maju.

Merujuk pelaburan Google di Selangor berjumlah RM9.4 bilion yang menunjukkan perkembangan memberangsangkan hasil kelulusan pantas kerajaan negeri, beliau berkata: “Google sudah beli tanah di Selangor dan sudah mula projek, kita percepat kelulusan kerana pelaburan Google RM9.4 bilion”.

Anwar turut menyampaikan dana Program SejaTi MADANI bernilai RM100,000 kepada setiap 10 komuniti di Pantai Timur bagi merancakkan ekonomi setempat dalam sektor pertanian dan makanan, jahitan dan kraf tangan, herba dan kesihatan, pelancongan dan hospitaliti serta aktiviti hijau dan kitar semula.

BERNAMA